

PANDANGAN ORIENTALIS BERKENAAN SIKAP MALAS MASYARAKAT MELAYU DI TANAH MELAYU

Mohd Farhan Abd Rahman¹

Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Tapah

Rohailin Zainon²

Maryam Mohd Esa³

Nurulhayah Muhamad⁴

Kolej Universiti Islam Melaka

ABSTRAK

Majoriti golongan orientalis berpegang dengan falsafah positifisme empirik lojik iaitu fahaman yang mementingkan penggunaan akal sepenuhnya sebagai kaedah untuk mendapatkan sesuatu fakta keilmuan dengan tepat berdasarkan kaedah penelitian yang sistematik dan teliti. Namun, ia telah mewujudkan pandangan yang berat sebelah dan meragukan terhadap perwatakan masyarakat Melayu. Justeru, artikel ini menumpukan kepada analisa terhadap dakwaan orientalis berkaitan sikap malas masyarakat Melayu bagi mengetahui sejauhmana kebenaran dakwaan tersebut. Terlebih dahulu, penulis menjelaskan pendekatan yang diguna oleh orientalis dalam menilai masyarakat Melayu di Tanah Melayu dan penerapan paradigma sekularisme ke dalam pemikiran masyarakat Melayu. Seterusnya, penulis membawakan pandangan dari ahli akademik tempatan yang berpandangan sebaliknya bagi memperkukuhkan fakta tersebut. Kajian ini menggunakan kaedah pensejarahan, perbandingan dan analisis kandungan bagi menganalisis pandangan orientalis berkenaan sikap malas masyarakat Melayu. Hasil kajian mendapati pandangan orientalis berkenaan sikap malas keseluruhan masyarakat Melayu di Tanah Melayu hanyalah rekaan berpaksikan kehendak dan kepentingan pihak kolonial British. Ia bertujuan untuk memesong kebenaran bagi membolehkan golongan tersebut mewujudkan gambaran yang negatif berkaitan perilaku masyarakat peribumi. Hal ini berpunca daripada kelemahan golongan orientalis dalam memahami perwatakan masyarakat Melayu disebabkan latar belakang pemikiran yang berpusatkan Eropah iaitu Euro-centrism yang mengangkat bangsa Eropah sebagai terulung dan bertamadun berbanding bangsa lain merangkumi benua Asia dan sebagainya.

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Perak Kampus Tapah,

35400 Tapah Road, Perak, Malaysia. Tel: +6010-2257439 Email: farhan84@perak.uitm.edu.my

² Fakulti Inovasi Perniagaan & Perakaunan, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Kuala Sungai Baru 78200 Melaka, Malaysia. Tel: +6010-2267439 Email: rohailin@kuim.edu.my

³ Fakulti Inovasi Perniagaan & Perakaunan, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Kuala Sungai Baru 78200 Melaka, Malaysia. Tel: +6010-8066288 Email: maryam@kuim.edu.my

⁴ Fakulti Inovasi Perniagaan & Perakaunan, Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Kuala Sungai Baru 78200 Melaka, Malaysia. Tel: +6013-9556587 Email: nurulhayah@kuim.edu.my

Kata Kunci: *Orientalis, Masyarakat Melayu, Tanah Melayu, Logikal Empirikal Positivisme*

1.0 PENDAHULUAN

Maksud orientalisme menurut Hanafi (2000), ia merupakan fahaman politik yang bertujuan menjajah dan memusnahkan budaya Timur khususnya agama Islam, seterusnya menonjolkan tamadun Barat sebagai hebat dan mendominasi ke seluruh dunia. Manakala bagi Said (1977), orientalisme merupakan suatu kaedah untuk memahami dunia Timur berdasarkan pengamatan masyarakat Barat. Pandangan Said ini merangkumi tiga hal yang berbeza tetapi saling berkaitan antara satu sama lain, iaitu:

- 1) Orientalis merupakan individu yang mengajar, menulis sebuah karya atau melakukan serangkaian penyelidikan tentang dunia Timur. Golongan ini terdiri daripada ahli antropologi, sosiologi ataupun filologi.
- 2) Orientalisme adalah kaedah pemikiran yang berdasarkan kepada perbezaan ontologisme dan epistemologi antara dunia Timur dan Barat.
- 3) Orientalisme merupakan kaedah orang Barat untuk mendominasi, merestrukturisasi dan menguasai masyarakat Timur. Ianya berkepentingan mencipta pernyataan-pernyataan mengenai dunia Timur khususnya berkaitan agama, mengajari dan menguasai dunia Timur seterusnya mengubah mengikut kehendak mereka.

Abu lughod (2001, 101-113) juga mempunyai pandangan yang sama berkaitan orientalisme.

Beliau mengatakan *“The way in which the Orient has been represented in Europe through an imaginative geography that divides East and West, confirming Western superiority and enabling, if not actually constituting, European domination of those negatively portrayed regions known as East”*.

Ketiga-tiga pandangan sarjana di atas jelas menunjukkan pihak penjajah Barat menginginkan penguasaan ke atas dunia Timur merangkumi agama, budaya dan intelektual, seterusnya menerapkan idealogi yang berkonsepkan sekularisme ke dalam pemikiran masyarakat tanah jajahan. Menurut al-Attas (1978), permusuhan tradisi antara Kristian dan Islam pada awalnya wujud melalui misi perluasan wilayah dan serangan ketenteraan, kini ia beralih kepada ‘peperangan intelektual’ yang meletakkan ilmu dan pemikiran umat Islam sebagai sasaran utama yang perlu ditewaskan.

Beliau menjelaskan, *“The confrontation between Western culture and civilization and Islam... has now moved on to the intellectual level and we must realize, then, that this confrontation is by nature a historically permanent one. Islam is seen by the West as posing a challenge to its very way of life”* (al-Attas 1978, 99).

Menurut Siddiq (2012), penulisan ilmiah mengenai sejarah bangsa Melayu dipelopori oleh pengembara Barat dan pegawai kolonial merangkap orientalis selepas pendudukan pertama penjajah semasa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Penulisan tersebut berbentuk laporan dan pemerhatian terhadap masyarakat Melayu, bukan kajian yang menepati kaedah penyelidikan ilmiah. Karya-karya orientalis tentang persejaraan Alam Melayu khususnya di Tanah Melayu memperlihatkan banyak kelemahan metodologi di samping sarat dengan prasangka negatif dan berat sebelah hingga rumusannya tidak menepati realiti. Antara yang paling menonjol adalah penjelasan mengenai perwatakan negatif masyarakat Melayu

berpunca dari pegangan agama dan mengecil-gecilkan peranan Islam dalam sejarah ketamadunan bangsa Melayu.

Zaman kepesatan Islamisasi di Tanah Melayu dari abad ke-13M hingga 16M memperlihatkan transformasi kemanusiaan merangkumi kebudayaan dan cara hidup masyarakat tetapi tidak diakui sebagai satu babak sejarah yang besar impaknya ke atas Alam Melayu oleh penjajah Barat. Ia hanya dianggap sebagai suatu era transisi dari zaman tamadun peribumi dan Hindu-Buddha ke zaman moden yang bertamadun. Ternyata sejarah di Tanah Melayu tidak dipaparkan menerusi fakta seadanya, tetapi dimanipulasi bagi menonjolkan peranan dan pengaruh penjajah Barat bahawa kononnya golongan inilah yang membawa Tanah Melayu ke era baru yang moden dan bertamadun.

2.0 PENDEKATAN ORIENTALIS DALAM MENILAI MASYARAKAT MELAYU DI TANAH MELAYU

Pada zaman pemerintahan penjajah di Tanah Melayu, kepakaran sarjana orientalis telah diguna sepenuhnya dalam usaha menjajah dan menguasai masyarakat tanah jajahan. Golongan ini menekankan bahawa penting bagi setiap anggota masyarakat berani meninggalkan amalan tradisi dan pegangan agama sekiranya ingin berjaya dalam kehidupan. Kepakaran orientalis ini diterapkan ke dalam pemikiran penjajah Barat melalui beberapa bentuk, iaitu;

Pertama, mengkaji kebudayaan masyarakat Timur dalam semua aspek merangkumi positif mahupun negatif. Kajian ini secara tidak langsung menjadi alat kepada penjajah Barat khususnya British dalam menghuraikan secara lengkap mengenai kekuatan dan kelemahan masyarakat Timur. Seterusnya dipelajari untuk menguatkan penguasaan golongan ini terhadap masyarakat tanah jajahan (Hussain, 1984).

Merujuk karya A. Wright dan T.H. Reid iaitu *The Malay Peninsula* (Wright & Reid, 1912), T.S. Raffles iaitu *Memoir of the Life and Public Services of Sir Stamford Raffles* (Raffles, 1830), L.R. Wheelar iaitu *The Modern Malay* (Wheelar, 1928) dan F. Swettenham iaitu *Malay Sketches* (Swettenham, 2005), orientalis melabel masyarakat Melayu dengan gambaran yang negatif seperti malas, keras kepala, suka berfoya-foya, suka berhutang dan sebagainya. Bagi memperbaiki kelemahan ini, golongan tersebut mengangkat penjajah British sebagai penyelamat kepada masyarakat Melayu dengan memperkenalkan sistem pendidikan Barat yang berkonsepkan sekularisme iaitu memisahkan ilmu keduniaan dan ilmu agama (Winstedt, 1934) Namun, pendidikan tersebut dikhususkan kepada golongan feodal Melayu sahaja (Wheelar, 1928). Menurut Skeat (1967), golongan feodal Melayu ini dilatih untuk menjadi orang suruhan kepada penjajah British bagi memperkukuhkan kuasa mereka di Tanah Melayu. Khasnor Johan (1979) juga berpandangan, golongan ini dijadikan sebagai perantaraan terbaik bagi menguasai masyarakat Melayu yang secara tradisi amat menghormati golongan feodal.

Kedua, pendekatan evolusisme. Tamadun Barat dianggap sebagai tamadun yang hebat berbanding Timur (Said, 1981). Swettenham (1893) berpandangan, pencapaian hebat ini disebabkan penerimaan fahaman sekularisme yang menolak kepentingan agama di dalam kehidupan manusia. Masyarakat Timur yang masih berpegang kepada agama dilabel sebagai bangsa yang menolak kemajuan dan perlu ditamadun melalui proses penjajahan. Beliau menyatakan bagaimana Raja Muda Abdullah telah meminta penjajah

British untuk campur tangan di Negeri Perak dengan tujuan “*to teach him how to rule this unruly country, but the circumstances alone made that interference the duty of the paramount power*”. Golongan orientalis juga melabel perundangan Islam sebagai statik dan sesuai diamalkan di Timur Tengah sahaja. Malah, Swettenham (2005) menambah, keseluruhan sikap negatif masyarakat Melayu berpunca daripada pegangan teguh mereka terhadap Islam seperti berserah kepada takdir, tidak menghargai masa dan menolak kemodenan. Oleh itu, hal ini perlu diubah dengan memperkenalkan sistem pemikiran Barat khususnya perundangan yang dilihat lebih relevan dan fleksibel bagi zaman sekarang.

Ketiga, pendekatan difusisme. Ia merupakan pendekatan yang menganggap kemajuan masyarakat Melayu bukan disebabkan sikap asal seperti rajin dan proaktif terhadap kemajuan, tetapi dipengaruhi oleh budaya asing yang ditiru sejak dahulu lagi seperti Arab, dan India (Zainal, 1994). Pendekatan ini menafikan kepandaian masyarakat tempatan (*local genius*) dalam membina sesuatu tamadun yang hebat. Menurut Landon (1949), masyarakat Melayu tidak mempunyai pegangan keislaman yang kuat dan masih lagi terpengaruh dengan kepercayaan animisme dan Hinduisme. Ahmad Shalaby (1966) berpandangan, pendekatan ini berteraskan sikap anti Islam yang tercetus dari pengalaman perang Salib dan penentangan masyarakat Islam di tanah jajahan semasa pemerintahan pihak penjajah sebelum ini.

3.0 PENERAPAN SEKULARISME DALAM PEMIKIRAN MASYARAKAT MELAYU

Menurut pandangan orientalis, Islam dianggap sebagai agama budaya yang dihasilkan oleh masyarakat Arab di Timur Tengah berasaskan persekitaran beriklim panas yang mempengaruhi perwatakan seseorang seperti kasar dan ganas (Said 1977). Goldziher (1981) beranggapan, Islam sudah tidak relevan untuk dijadikan peraturan hidup pada zaman sekarang dan perlu digantikan dengan suatu bentuk pemikiran berkonsepkan sekularisme iaitu bebas dari sebarang pegangan keagamaan dan menjadikan akal sebagai rujukan utama dalam kehidupan. Bagi merealisasikan perancangan tersebut, beberapa kaedah telah diterapkan oleh pihak orientalis ke dalam sistem kehidupan masyarakat Melayu di Tanah Melayu, iaitu:

Pertama, tujuan penjajahan British ke atas Tanah Melayu bukan atas dasar penindasan tetapi sebagai usaha melahirkan bangsa Melayu yang bertamadun dari sebelumnya (Said 1977). Pihak orientalis meletakkan kemajuan yang dicapai oleh pihak British sebagai penanda aras yang wajib diteladani dan menjadikan paradigma pemikiran masyarakat Barat yang berkonsepkan akal semata-mata sebagai punca kepada ketinggian sesuatu tamadun. Menurut Rahimin (2000) Ilmuan Barat telah terpengaruh sepenuhnya dengan pendekatan sekularisme yang menolak agama sebagai neraca ilmu dan kebenaran di dalam kehidupan manusia, sebaliknya agama dikatakan sebagai punca kepada penderitaan manusia.

Kedua, menggambarkan sistem perundangan Islam yang berpandukan kepada wahyu sebagai negatif seperti kejam, ketinggalan zaman dan tidak berperikemanusiaan berpaksikan paradigma sekularisme Barat. Pada peringkat ini, Goldziher (1981) menggariskan dua pendekatan bagi melakukan kajian terhadap perundangan Islam iaitu pertama, sebarang kajian yang berkaitan dengan Islam tidak boleh merujuk al-Quran mahupun karya sarjana Islam, tetapi perlu menggunakan realiti sejarah umat Islam bagi mengetahui gambaran

Islam yang sebenar. Kedua, sebarang penganalisaan kritikal terhadap Islam perlu dibuat menggunakan pendekatan *higher criticism*. Pendekatan ini pada mulanya digunakan untuk membuktikan kesilapan yang terdapat di dalam agama Kristian, kemudian telah dipanjangkan penggunaannya kepada agama Islam. Ia bertujuan untuk membuktikan kesilapan kandungan al-Quran dan al-Sunnah bagi memperlihatkan Islam sebagai agama yang sesat. Elemen pemikiran sekularisme yang terkandung di dalam pendekatan ini jelas menafikan Islam sebagai agama wahyu dan tidak mempunyai nilai keistimewaan termasuklah perundangannya. Menurut Hashim (2001), antara hujah pihak orientalis dalam menolak keautoritian Islam ialah:

- 1) Islam tidak boleh dipraktikkan sebagai satu sistem kehidupan, tetapi sebagai peninggalan sejarah Islam yang tidak relevan lagi untuk zaman sekarang.
- 2) Perundangan Islam dilabel sebagai tidak mengikut peredaran zaman dan situasi permasalahan. Ia sesuai dipraktikkan kepada masyarakat Arab di Timur Tengah sahaja dan jika menginginkan kemajuan, masyarakat tersebut perlu menolak perundangan Islam yang ketinggalan zaman dan menggantikannya dengan sistem perundangan Barat yang dilihat lebih bersifat semasa.

Ketiga, pengasingan sistem pendidikan di Tanah Melayu. Menurut Shamsul Amri (2011), Stamford Raffles merupakan sarjana perintis kepada perletakan kerangka asas ilmu kolonial di awal pendudukan British di Tanah Melayu. Kesannya mengakibatkan berlaku pengasingan ilmu terutamanya pendidikan agama yang sebelum ini merupakan mata pelajaran wajib dipelajari ketika itu. Usaha tersebut diteruskan oleh orientalis selepas beliau seperti Wilkinson, Winstedt dan Swettenham yang merupakan pegawai pentadbir British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu. Nik Azis (1991) berpandangan, sistem pendidikan yang diperkenalkan oleh pihak British berbentuk dualisme iaitu pengasingan aliran sekolah kebangsaan dan aliran sekolah agama. Malah, program pendidikan yang dipraktikkan di Barat dilihat tidak sesuai untuk masyarakat di Tanah Melayu kerana ia menengahkan pendekatan sekularisme yang memisahkan ilmu keduniaan dan ilmu agama.

Penerapan pemikiran Barat menerusi pendidikan terhadap masyarakat Melayu dilihat sebagai salah satu cara untuk memperkukuhkan penguasaan penjajah ke atas Tanah Melayu. Dasar ini bertujuan bagi memisahkan masyarakat Melayu daripada semangat dan tradisi Islam dalam setiap urusan kehidupan mereka. Al-Attas (1978) menambah lagi, pelaksanaan sistem pendidikan Barat ini jelas meminggirkan semangat dan tradisi Islam, apabila mata pelajaran yang sebelumnya dianggap penting dalam sistem pendidikan telah dimansuhkan. Malah, sistem tulisan dan ejaan jawi turut dimansuhkan sebagai langkah membataskan penguasaan terhadap ilmu pengetahuan Islam. Ini kerana tulisan dan ejaan jawi merupakan medium utama dalam kegiatan dan tradisi keilmuan Islam di Alam Melayu.

4.0 PANDANGAN ORIENTALIS BERKENAAN SIKAP MALAS MASYARAKAT MELAYU

Terdapat segelintir dari orientalis berpandangan masyarakat Melayu memiliki perwatakan malas, seperti Isabella Bird, Frank Swettenham, Emiley Innes, Hugh Clifford, Tom Pires dan Stamford Raffles. Golongan ini beranggapan masyarakat Melayu tidak memiliki kepandaian tersendiri malah kepandaian tersebut dikatakan milik bangsa luar seperti Arab dan India. Pihak orientalis melabel dua bangsa besar ini sebagai tidak bertamadun berbanding bangsa Eropah dan tiada apa yang boleh dibanggakan (Rahimin Affandi 2000).

a) Pandangan Isabella Bird

Bird (1883) menganggap masyarakat Melayu sebagai pemalas dan tidak bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan. Beliau melihat masyarakat Melayu pada ketika itu yang menanam padi sebagai sumber rezeki melakukan pekerjaan tersebut sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh. Menurut beliau, masyarakat Melayu lebih suka bersantai dan menghabiskan masa dengan berbual bersama rakan-rakan di kedai kopi daripada bekerja bersungguh-sungguh untuk memajukan diri dan keluarga. Seterusnya, Bird juga melihat masyarakat Melayu sebagai bangsa yang sukakan hiburan. Di dalam karyanya *The Golden Chersonese and the Way Thither*, beliau menyatakan masyarakat Melayu gemar berkumpul beramai-ramai untuk melihat acara hiburan seperti sabung ayam yang begitu popular ketika itu dan lebih bermotifkan perjudian. Beliau menambah lagi, aktiviti tersebut bukan sahaja dilakukan di peringkat bawahan, malah bangsawan. Isabella Bird juga mempunyai persepsi yang tersendiri ke atas masyarakat Melayu yang gemar memakan sirih sebagai pengotor.

b) Pandangan Emily Innes

Innes (1885) berpandangan lelaki Melayu sebagai pemalas disebabkan pada ketika itu wanita Melayu bekerja lebih kuat berbanding kaum lelaki. Beliau menyatakan ramai wanita Melayu melakukan kerja berat seperti bercucuk tanam dan bersawah berbanding lelaki yang gemar duduk bersembang di kedai kopi dari pagi hingga petang dan pergi semula hingga lewat malam. Innes juga menambah, lelaki Melayu gemar menghabiskan masa dengan tidur ketika kaum wanita sedang bekerja dan akan bangun untuk makan, mandi dan keluar bersama rakan untuk berhibur. Selain itu, beliau turut menggambarkan Raja-raja Melayu sebagai pemalas. Beliau melihat setiap urusan mengenai Raja atau Sultan perlu diurus dan diselesaikan oleh menteri-menteri bawahannya. Beliau juga beranggapan Raja-raja Melayu gemar meminta-minta kepada rakyatnya jika berkehendakkan sesuatu dan ini secara tidak langsung digambarkan oleh Innes sebagai telah menyusahkan rakyat dan tidak pandai berdikari. Beliau juga seperti Isabella Bird yang menganggap masyarakat Melayu sebagai bangsa pengotor apabila beranggapan tabiat makan menggunakan tangan sebagai sesuatu yang menjijikkan dan ketinggalan zaman.

c) Pandangan Frank Swettenham

Swettenham (1967) beranggapan masyarakat Melayu adalah bangsa yang primitif, malas, suka melawan dan menentang pemodenan. Menurut beliau, masyarakat Melayu suka menghabiskan masa dengan perkara yang tidak berfaedah seperti berjudi, sabung ayam dan tidur. Beliau turut berpendapat masyarakat Melayu merupakan penganut agama yang fatalis iaitu tidak mengikut ajaran Islam yang sebenar dengan mempercayai perkara-perkara tahyul seperti bomoh dan sebagainya. Swettenham juga menyifatkan masyarakat Melayu dengan sikap yang negatif seperti boros, amuk, suka berserah kepada takdir dan cepat berputus asa.

d) Pandangan Hugh Clifford

Menurut Clifford (1895), masyarakat Melayu merupakan bangsa paling malas yang mendiami bumi ciptaan Tuhan. Beliau berpandangan sedemikian apabila menyaksikan sendiri 25 orang Melayu mendayung sampan tanpa henti selama 26 jam tetapi bergerak dalam kawasan yang sama untuk mencari jalan keluar dari kawasan air. Penilaian

Clifford terhadap masyarakat Melayu di Pantai Barat sebahagiannya adalah bodoh tetapi lebih beradab berbanding yang tinggal di Pantai Timur. Masyarakat Melayu yang menetap di Pahang dinilai sebagai pakar dalam ilmu ketenteraan, suka bercinta dan gemar bersabung ayam. Manakala, masyarakat yang tinggal di Terengganu pada pandangan Clifford, sukakan kedamaian, rajin bekerja tetapi kurang memberi kesetiaan kepada pemerintah. Selain itu, sikap masyarakat Melayu yang suka melatah dianggap sebagai satu perbuatan yang kurang sopan kerana ia akan disusuli dengan bahasa yang kasar dan lucu.

e) Pandangan Tome Pires

Pires (1990) berpandangan masyarakat Melayu adalah bangsa yang kuat cemburu terutama golongan lelaki kerana tidak mendedahkan isteri mereka kepada khalayak ramai. Beliau juga berpendapat masyarakat Melayu adalah bangsa yang cerdas namun sering mengabaikan pelajaran kerana kurang minat untuk belajar. Malah, terdapat perbezaan yang ketara di antara golongan bangsawan dengan rakyat biasa iaitu golongan bangsawan gemar untuk berjudi dan hidup bersenang-lenang, manakala rakyat pula hidup dalam kedaifan dan perlu bekerja keras untuk mendapatkan makanan.

f) Pandangan Stamford Raffles

Menurut Raffles (1830), masyarakat Melayu tidak mempunyai tingkat perkembangan intelektual yang tinggi disebabkan tidak mempunyai sistem pendidikan yang baik dan tersusun. Ini menjadi punca perwatakan masyarakat Melayu yang pemalas dan tidak teratur kerana tiada dorongan yang memberi mereka rangsangan untuk bekerja. Selain itu, beliau turut menyifatkan masyarakat Melayu sebagai pendendam dan benci terhadap pendamaian yang dibawa oleh pihak penjajah. Malah, beliau juga tidak ketinggalan menghina Islam dengan gelaran agama perompak ketika menjatuhkan hukuman kepada seorang pencuri yang beragama Islam.

5.0 PANDANGAN AHLI AKADEMIK BERKENAAN SIKAP MALAS MASYARAKAT MELAYU YANG DIDAKWA OLEH ORIENTALIS

a) Pandangan Syed Hussein Alatas

Menurut Alatas (2009), masyarakat Melayu memperoleh jolokan malas kerana enggan bekerjasama dengan penjajah Barat dan tidak mahu menjadi hamba kepada sistem perdagangan kapitalisme kolonial iaitu untuk memperkayakan bangsa Eropah dengan menghakis segala sumber kekayaan yang terdapat di Tanah Melayu. Bagi masyarakat Melayu, penjajah Barat merupakan pengikis harta bangsa serta penjajah yang membawa kesan negatif dalam pemikiran dan pegangan agama masyarakat peribumi. Sebelum kedatangan penjajah, masyarakat Melayu telah mempunyai kemahiran dalam ilmu pertukangan, seni ukiran, seni bina, pertanian dan sebagainya. Malah, masyarakat Melayu mempunyai ciri ketabahan yang tinggi, bersopan santun dan pembersih.

Alatas (2009) turut mempersoalkan kesahihan fakta penulisan sarjana Barat yang melabel masyarakat Melayu dengan sifat malas. Menurut beliau, karya penulisan golongan ini adalah tidak telus dan tidak mengamalkan prinsip serta disiplin keilmuan yang sebenar dengan menerapkan sikap bangga akan bangsa sendiri disebabkan latar belakang pemikiran berpusatkan Eropah iaitu *Euro-centrism* yang mengangkat bangsa

Eropah sebagai terulung dan bertamadun berbanding bangsa lain merangkumi benua Asia dan sebagainya. Penulisan yang baik adalah dengan mengetepikan semangat kebangsaan, kesukuan dan pilih kasih bagi menghasilkan penulisan yang lebih telus dan tepat. Apabila orientalis menjadikan pendekatan *Euro-centrism* sebagai kayu pengukur untuk mengkaji sejarah Tanah Melayu ternyata golongan ini belum lagi memahami sepenuhnya berkenaan masyarakat Melayu, malah berat sebelah dalam menjelaskan persoalan berkenaan Islam di Tanah Melayu.

b) Pandangan Nik Ahmad Azmi

Menurut Nik Ahmad Azmi (2000), masyarakat Melayu adalah bangsa yang hebat dan telah wujud sejak sekian lama seperti kerajaan Melayu lama, antaranya kerajaan Langkasu atau Langkasuka di Kedah dan kerajaan Gangga yang berpusat di Beruas. Mengenai sikap malas masyarakat Melayu, beliau menyatakan penulisan pihak Barat sebenarnya bertujuan untuk menegakkan kedaulatan penjajah itu sendiri dan dilakukan dengan memperlekehkan penduduk peribumi. Beliau juga berpendapat, tujuan kenapa dilakukan perkara di atas kerana ia merupakan satu cara untuk melemahkan pemikiran masyarakat Melayu hingga merasakan mereka adalah bangsa yang mundur dan kemajuan yang dicapai sebenarnya dibawa oleh pihak penjajah.

Nik Ahmad Azmi (2000) menjelaskan kemunduran dan kemerosotan masyarakat Melayu disebabkan sikap mereka sendiri yang sering lalai dan leka, bukan disebabkan kemalasan. Masyarakat Melayu merupakan bangsa yang unik hingga tiada pengkaji yang dapat memberikan jawapan tepat terhadap sikap dan tabiat mereka. Keunikan tersebut kemungkinan disebabkan oleh faktor kedudukan muka bumi yang terdedah kepada pelbagai pengaruh elemen budaya yang berbeza seperti Arab, India dan sebagainya. Menurut beliau, gelaran malas ke atas masyarakat Melayu disebabkan kelemahan daripada pihak penjajah itu sendiri yang gagal memahami susur galur masyarakat Melayu serta adat resam dengan menyeluruh hingga kebanyakan penilaian mereka terhadap masyarakat Melayu lebih menjurus kepada berat sebelah dan tidak adil.

c) Pandangan Ismail Noor dan Muhammad Azaham

Ismail Noor dan Muhammad Azaham (2000) berpandangan masyarakat Melayu merupakan bangsa yang mempunyai kerangka pemikiran yang mudah untuk ditinjau, tetapi sukar difahami. Malah, masyarakat Melayu merupakan bangsa yang bersatu padu sekiranya diperlagakan atau diancam oleh musuh daripada luar atau dalam yang boleh membahayakan ketuanan mereka. Menurut kedua-dua penulis ini, penjajah Barat sukar untuk memahami perwatakan masyarakat Melayu seperti kelemahan Frank Swettenham yang berat sebelah ketika mentafsirkan perwatakan masyarakat Melayu seperti pendendam, suka berhutang, cepat berputus asa dan suka berserah kepada takdir.

Kedua-dua penulis ini juga menjelaskan bahawa masyarakat Melayu adalah bangsa yang agak sukar untuk membantu pihak penjajah dalam menentang bangsa sendiri yang dilabel oleh pihak British sebagai pengkhianat negara. Hal ini jelas digambarkan melalui ekspedisi Hugh Clifford memburu Mat Kilau dan pengikut-pengikutnya dikatakan telah menderhaka kepada British tetapi tidak mendapat sepenuh komitmen dari askar-askar Melayu ketika itu.

6.0 KRITIKAN TERHADAP SIKAP MALAS MASYARAKAT MELAYU

Syed Hussein Alatas merupakan tokoh akademik yang cukup berwibawa dan telah menghasilkan penulisan berkualiti mengenai sejarah, budaya, sosial dan politik masyarakat Melayu. Kajian yang dihasilkan oleh Alatas memberikan impak yang mendalam khususnya berkaitan perwatakan masyarakat Melayu seperti *The Myth of Lazy Native*.

Menurut Azmi Arifin (2012), "*Beliau mewakili sarjana 'dunia ketiga' yang mempelopori kajian yang begitu mendalam dan berani khususnya yang menyentuh tentang watak dan pemikiran tertawan, bebalsime dan feudalisme*".

Alatas (2009, xvi) menolak pandangan pihak penjajah yang melabel masyarakat Melayu sebagai pemalas dengan menyatakan

"Dalam perwujudan sejarah yang empiris, ideologi kolonial memanfaatkan gagasan tentang peribumi malas untuk membenarkan amalan penindasan dan ketidakadilan dalam mobilisasi tenaga kerja di negeri jajahannya. Ia menggambarkan citra negatif tentang peribumi dan masyarakat mereka untuk membenarkan dan mencari alasan penaklukan dan penguasaan Eropah terhadap wilayah tersebut. Ia juga memesongkan unsur-unsur kenyataan sosial dan manusia ini untuk menjamin bentuk ideologi yang sesuai dengan keperluan mereka".

Bagi penulis, pernyataan di atas jelas menunjukkan perwatakan malas hanyalah rekaan berpaksikan kepentingan peribadi pihak penjajah terhadap masyarakat Melayu yang lebih bermotifkan penjajahan pemikiran dalam memudahkan pendudukan mereka di Tanah Melayu. Alatas (2009) menjelaskan pendekatan sekularisme Barat yang bertunjangan kepada penggunaan akal sepenuhnya adalah punca kepada lahirnya pandangan skeptikal dan berat sebelah terhadap masyarakat Melayu beragama Islam melalui perwatakan negatif seperti malas dan sebagainya. Beliau jelas menolak ideologi kolonialisme Barat yang mengatakan Islam sebagai punca kepada pembentukan perwatakan negatif terhadap masyarakat Melayu terutamanya watak peribumi malas.

Menurut Siddiq (2012: 2), "*Karya-karya orientalis tentang persejajaran rantau ini juga memperlihatkan banyak kelemahan metodologikal di samping sarat dengan prasangka sehingga rumusan-rumusannya tidak menepati realiti. Antara yang paling menonjol ialah kesengajaan mengecil-ngecilkan peranan Islam dalam sejarah dan tamadun Melayu. Zaman kepesatan Islamisasi (abad 13-16M) yang ditandai oleh transformasi kemanusiaan dan revolusi kebudayaan terbesar di rantau ini tidak diakui sebagai suatu babak sejarah in its own right*". Beliau juga menambah, "*Pengislaman telah mentransformasikan Melayu dari bangsa yang terkurung dalam kekarutan tahyul dan dongeng menjadi bangsa rasional yang responsif terhadap rangsangan al-Quran agar berfikir dan merenung*". (Siddiq, 2012: 9)

Kecelaruan dalam melabel perwatakan masyarakat Melayu keseluruhannya adalah negatif berpunca dari kelemahan para sarjana khususnya orientalis Barat dalam memahami sepenuhnya berkenaan masyarakat Melayu, malah berat sebelah dalam menjelaskan persoalan berkenaan Islam di Tanah Melayu.

Alatas (2009: 149) menjelaskan "*Jenis penyimpangan dalam revolusi mental tentang watak Melayu tersebut dapat dijelaskan dengan kemiskinan intelektual para penulisnya... Penyimpangan tersebut merupakan hasil daripada penalaran yang keliru. Tiga puluh atau*

lebih ciri-ciri negatif yang dituduh itu, yang secara kuat membentuk watak Melayu merupakan kesimpulan yang diambil daripada dasar fikiran yang salah. Semuanya itu tidak didasari penelitian atau pengamatan yang bijaksana”.

Orientalis dilihat gagal dalam memahami masyarakat Melayu disebabkan latar belakang pemikiran berpusatkan Eropah iaitu *Euro-centrism* yang mengangkat bangsa Eropah sebagai terulung dan bertamadun berbanding bangsa lain merangkumi benua Asia dan sebagainya.

Hasil dari penekanan di atas, ideologi tersebut telah meresap ke dalam pemikiran sarjana tempatan seperti Abdullah Munshi yang hidup sezaman dengan Raffles hingga diterima tanpa sebarang kritikan walaupun pelbagai gambaran negatif telah diberikan ke atas masyarakat Melayu.

Alatas (2009) menyatakan, *“Pengamatan Abdullah terhadap kemalasan dibatasi pada laki-laki, bukan wanita di negeri yang dikunjunginya. Tidak seperti penulis Inggeris sezamannya, dia tidak menyamaratakan hal tersebut. Dia sangat menyedari kenyataan bahawa gejala kemalasan yang dihuraikannya adalah sebahagian daripada penyakit sistem sosial. Hal tersebut tidak memberi ciri pada seluruh masyarakat Melayu. Dia menyedari sistem Islam Melayu tentang nilai-nilai yang mengutuk kemalasan dan ketidakadilan. Namun demikian sikap Abdullah berat sebelah, kerana pandangannya merupakan fikiran yang terjebak dalam dunia kolonialisme”.*

Penulis berpandangan, perancangan yang dilaksanakan oleh pihak penjajah telah melahirkan sebahagian sarjana tempatan yang lebih gemar meniru dan meneladani bulat-bulat pemikiran kolonialisme yang diperkenalkan oleh golongan ini mengenai masyarakat Melayu. Bagi membebaskan masyarakat Melayu dari belenggu ideologi kolonial itu, Alatas (2009) menyarankan agar para pengkaji menyusun semula konsep-konsep baru yang lebih sesuai bagi menggantikan konsep-konsep sejarah Barat. Hal ini bagi mengelakkan kekeliruan tentang penilaian perilaku masyarakat peribumi dari berpanjangan.

Penulis tidak menafikan kebenaran bahawa sifat-sifat negatif juga wujud dalam masyarakat Melayu, tetapi dalam melabelkan sesuatu bangsa sebagai malas seorang pengkaji itu tidak boleh menilai berdasarkan kepada beberapa kumpulan masyarakat itu sahaja.

Alatas (2009: 124) menjelaskan, *“Gambaran tentang masyarakat peribumi dan para penguasanya yang dicipta oleh ahli sejarahan dan pengkaji kolonial dapat dianggap kezaliman, ketidakstabilan, anarki, keterbelakangan dan ketiadaan undang-undang. Ada suatu unsur kebenaran di dalamnya, tetapi tidak mewakili seluruh gambaran”.* Beliau juga menambah, *“Kekeliruan Revolusi Mental adalah menyamaratakan berbagai-bagai peristiwa khusus yang dijelaskan oleh para penulisnya. Ada orang Melayu tanpa inisiatif, kaum Melayu yang malas, masyarakat Melayu yang tidak serius, dan yang tidak memikirkan masa hadapan. Semua sifat negatif yang didaftar oleh Revolusi Melayu memang ada dalam kalangan beberapa orang Melayu, tetapi agak tidak kena pada tempatnya untuk menyamaratakannya”* (Alatas, 2009: 167).

Malah, dalam menilai sesuatu bangsa itu setiap pengkaji tidak boleh menggunakan sudut pandangan yang berbentuk skeptikal sekiranya ingin menghasilkan suatu kajian yang berautoriti dan menjadi panduan kepada pengkaji-pengkaji lain.

Bagi penulis, kemalasan masyarakat Melayu adalah mitos semata-mata. Hal ini kerana setiap tindakan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu mempunyai sebab tersendiri dan dipengaruhi dengan faktor iklim, alam dan manusia itu sendiri. Iklim di Tanah Melayu yang panas memerlukan masyarakat Melayu untuk mendapatkan rehat yang lebih lama berbanding yang tinggal di iklim sejuk, yang mendorong seseorang melakukan sesuatu kerja untuk memanaskan badan.

Menurut Alatas (2009: 166) lagi, *“Menurut definisi kita, sifat kemalasan dalam seluruh individu harus dibezakan daripada keputusan untuk menghindari pekerjaan tertentu kerana hasil yang berhubungan dengan wang. Seseorang yang lebih suka menjadi tukang kebun dan memperoleh hasil yang lebih sedikit daripada menjadi pelayan, tidak perlu dikatakan malas, selama dia bekerja keras sebagai tukang kebun. Oleh sebab itu pilihan orang Melayu untuk jenis-jenis pekerjaan tertentu tidak dapat dengan sendirinya dianggap bukti kemalasan; misalnya pertanian pada yang dipertentangkan dengan perniagaan. Kecenderungan Revolusi Mental untuk menganggap masyarakat Melayu itu malas, tanpa disadari sebenarnya telah dipengaruhi oleh kapitalisme kolonial”*.

7.0 KESIMPULAN

Pendekatan pemikiran orientalis dalam melabel keseluruhan masyarakat Melayu dengan perwatakan negatif seperti malas memperlihatkan sudut pandangan yang meragukan hingga setiap penulisan dari golongan tersebut menggunakan sudut pertimbangan yang berat sebelah. Pandangan tersebut berdasarkan paradigma evolusi dan difusi yang terdapat dalam pendekatan orientalisme dan meletakkan pendekatan logik akal pada tahap yang tinggi hingga berpandangan segala tradisi, budaya, perwatakan, tatacara keilmuan serta perundangan Islam boleh dipertikaikan kebenarannya.

Setiap bangsa yang wujud di dunia ini bukan semua sempurna dan tidak dapat lari dari perwatakan negatif seperti malas, ego dan sebagainya. Dalam konteks malas, kita tidak sepatutnya menjadikan sikap ini sebagai alat untuk melabel sesuatu bangsa itu sewenang-wenangnya. Penulisan orientalis yang bersifat berat sebelah dan meragukan ini hakikatnya telah menunjukkan kelemahan penjajah Barat dalam membuat penilaian terhadap masyarakat Melayu iaitu tidak telus dalam kajian yang jelas bertentangan dengan disiplin keilmuan.

Penulis menyarankan, setiap pengkaji yang ingin membuat kajian terhadap masyarakat Melayu perlu bersikap lebih kritikal terhadap pengaruh dan pemikiran kolonial. Para pengkaji perlu menilai setiap gambaran yang diberikan oleh orientalis ke atas masyarakat Melayu dengan teliti dan tidak memandang mudah seperti menerima segala pandangan dari golongan tersebut tanpa melakukan kajian terlebih dahulu. Penulis berpandangan, kekurangan golongan orientalis ini dalam memahami masyarakat Melayu disebabkan latarbelakang pemikiran yang berpusatkan Eropah iaitu *Euro-centrism*. Pemikiran ini mengangkat bangsa Eropah sebagai bangsa yang hebat dan bertamadun. Bagi memperbaiki kelemahan tamadun masyarakat Melayu, pihak British dianggap sebagai *“ambassador of civilization”* iaitu penyelamat kepada masyarakat di Alam Melayu. Apabila orientalis menjadikan pendekatan *Euro-centrism* sebagai kayu pengukur untuk mengkaji sejarah Tanah Melayu ternyata golongan ini belum lagi memahami sepenuhnya berkenaan masyarakat Melayu, malah berat sebelah dalam menjelaskan persoalan berkenaan Islam di Tanah Melayu.

RUJUKAN

- Abu-Lughod, L. 2001. Orientalism and Middle East Feminist Studies. *Feminist Studies*, 27(1): 101-113.
- Ahmad, S. 1966. *Masyarakat Islam*. (Mukhtar, Y., Terj.). Singapore: Pustaka Nasional.
- Alatas, S.H. 2009. *Mitos Peribumi Malas*. c.2. (Zainab, K., Terj.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Attas, S.M.N. 1978. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Hussain, A. 1984. The Ideology of Orientalism. Dalam *Orientalism, Islam and Islamism*. Vermont: Amana Books.
- Azmi, A. 2012. Syed Hussein Alatas: Pemikiran Kolonial dan Gagasan Feudalisme Melayu. *Akademika*, 82(1): 21-30.
- Bird, I. 1883. *The Golden Chersonese and the Way Thither*. New York: Oxford University Press.
- Clifford, H. 1895 Report on Expedition to Terengganu and Kelantan 7August 1895. *JMBRAS*, 34(1).
- Goldziher, I. 1981. *Introduction to Islamic Theology and Law*. (Andras & Ruth, H., Terj.). Princeton: Princeton University Press.
- Hanafi, H. 2000. *Oksidentalisme: Sikap Kita Terhadap Tradisi Barat*. (Najib, B., Terj.), Jakarta: Paramadina.
- Hashim, M. 2001. *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam: Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Innes, E. 1885. *The Chersonese with the Gilding off*. v. 2. London: Richard Bentley & Sons.
- Ismail, N. & Muhammad, A. (2000). *Takkan Melayu Hilang di Dunia*. Selangor: Pelanduk Publication.
- Khasnor, J. 1979. Perkhidmatan Tadbir Melayu: Tradisi dan Peranan Dalam Konteks Kerajaan Penjajah. Dalam *Malaysia: sejarah dan proses pembangunan*, Kuala Lumpur: t.p.
- Landon, K.P. 1949. *Southeast Asia: Crossroad of Religions*. Chicago: University of Chicago.
- Nik Ahmad, A. 2000. *Melayu di Persimpangan*. Selangor: Edusystem Sdn. Bhd.
- Nik Azis, N.P. 1991. *Program Pendidikan Pintar Cerdas: Teori dan Praktik*. Selangor: Institut Pengajian Ilmu Islam.
- Pires, T. 1990. *Suma Oriental of Tome Pires: An Account of the East, From the Red Sea to China. Written in Malacca and India in 1512-1515*. New Delhi: AES Publications.
- Raffles, T.S. 1830. *Memoir of the Life and Public Services of Sir Stamford Raffles*. London: John Murray.
- Rahimin Affandi, A.R. 2000. Orientalisme dan Keutuhan Ummah Islam: Suatu Analisis. *Jurnal Syariah*, 9(1): 33-46.
- Said, E.W. 1977. *Orientalism*. London: Penguin.
- Said, E.W. 1981. *Covering Islam, How the Media and the Experts Determine How We See the Rest of the World*. London: Vintage.
- Shamsul Amri, B. 2011. Ilmu Kolonial dalam Pembentukan Sejarah Intelektual Malaysia: Sebuah Pandangan. *Siri Kertas Kajian Etnik UKM*, v.12, Bangi: Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siddiq, F. 2012. *Islam dan Melayu: Martabat Umat dan Daulat Rakyat*. c.3. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan, Kolej Dar al-Hikmah.

- Skeat, W.W. 1967. *Malay Magic: Being an Introduction to the Folklore and Popular Religion in the Malay Peninsula*. New York: Dover Publications.
- Swettenham, F. 1893. *About Perak*. Singapura: Straits Times Press.
- Swettenham, F. 1967. *Stories and Sketches by Sir Frank Swettenham*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Swettenham, F. 2005. *Perihal Orang Melayu*. c.2. (Zubaidah, I., Terj.). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Wheeler, L.R. 1928. *The Modern Malay*. London: George Allen & Unwin.
- Winstedt, R.O. 1934. A History of Perak. *JMBRAS*, 12(1).
- Wright, A. & Reid, T.H. 1912. *The Malay Peninsula*. London: T.F. Unwin.
- Zainal, K. 1994. Antropologi Tafsiran: Sumbangan Kebudayaan Melayu Kepada Teori. Dalam *Syarahan Perdana Untuk Pengukuhan Profesor*. Kuala Lumpur, t.p.